

Isnin, 6 Januari 2020 | 12:32am



KPDNHEP mengarahkan pemilik stesen minyak yang video tular membabitkan kenderaan asing mengisi petrol RON95, hadir membantu siasatan. - Foto hiasan

KPDNHEP siasat pemilik stesen minyak

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengarahkan pemilik stesen minyak yang video tular membabitkan kenderaan asing mengisi petrol RON95, hadir membantu siasatan.

KPDNHEP dalam satu kenyataan di sini malam tadi berkata, siasatan dibuat ke atas stesen minyak terbabit atas kesalahan gagal mematuhi arahan Pengawal Bekalan.

Katanya, pemilik stesen sudah diarahkan untuk hadir ke KPDNHEP Johor bagi merekod rakaman percakapan dan siasatan lanjut.

"Merujuk kepada penularan klip video memaparkan seorang lelaki mengisi minyak petrol RON95 pada kenderaan dengan nombor pendaftaran asing di sebuah stesen minyak di bandar raya ini Khamis lalu,

KPDNHEP Johor sudah menerima aduan daripada orang ramai melalui sistem e-Aduan dan mengambil tindakan segera untuk menangani isu itu.

"Pada Jumaat lalu, sepasukan pegawai penguat kuasa dari KPDNHEP Johor melakukan pemeriksaan terhadap stesen minyak yang diadu dan hasil pemeriksaan serta siasatan dilakukan mendapati bahawa lelaki yang mengisi minyak petrol RON95 pada kenderaan asing dipercayai menggunakan sistem kad kredit layan diri di pam untuk mengisi minyak pada hari berkenaan," katanya.

Menurut kenyataan itu, kes berkenaan disiasat mengikut Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Individu yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya, manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

"Hukuman bagi syarikat, denda dikenakan sehingga RM2 juta dan bagi kesalahan kedua dan berikutnya denda tidak melebihi RM5 juta, jika sabit kesalahan," katanya.

